

Universiti Teknologi Nanyang (NTU) menerima kohort keenam dan yang terbesar bagi Sekolah Perubatan Lee Kong Chian (LKCMedicine) baru-baru ini, iaitu seramai 138 siswa. Mereka menerima lebih 850 permohonan tahun ini. Tiga daripada 138 siswa itu ialah anak Melayu/Islam. Wartawan **NUR FATHIN AWALLUDIN** (nfathin@sph.com.sg) menghadiri Acara Kot Putih LKCMedicine pada 15 Ogos lalu. Ikuti laporan berikut.

PENGALAMAN DI THAILAND BUKA MATA: Encik Nasrullah banyak mempelajari tentang bidang perubatan dan tugas doktor ketika melalui latihan sambil bekerja di hospital Krabi, Thailand, selama seminggu pada 2015. Beliau bersama dua siswa Muslim lain dalam laporan ini ditemui di NTU baru-baru ini. – Foto-foto BH oleh LIM SIN THAI



Terharu saksikan jerih payah doktor

MELUANGKAN masa seminggu di Thailand memberi Encik Muhammad Nasrullah Shahrir peluang mendalami dunia seorang doktor dan membuka matanya kepada realiti bekerja dalam industri penjagaan kesihatan.

Daripada mensia-siakan waktu lapang yang ada setelah tamat diploma International Baccalaureate di Sekolah Anglo-Chinese (Bebas) pada 2015, Encik Nasrullah, 21 tahun, membuat keputusan menjalani tempoh latihan sambil bekerja selama seminggu di hospital Krabi, Thailand.

Katanya, beliau terbuka hati menjadi doktor sejak di bangku sekolah menengah.

“Saya memang meminati sains sejak kecil lagi. Ketika di menengah tiga, saya berpeluang melihat doktor di Hospital Universiti Nasional (NUH) bekerja.

“Daripada situ, berputik dalam hati bahawa saya mahu lakukan pekerjaan yang membolehkan saya berkhidmat kepada orang lain,” ujarnya.

Beliau antara tiga anak Melayu/ Islam yang berjaya memasuki Sekolah Perubatan Lee Kong Chian (LKCMedicine) Universiti Teknologi Nanyang (NTU) tahun ini.

Ternyata, pengalaman di Thailand itu mengubah tanggapannya terhadap doktor dan tugas mereka.

Kekurangan tenaga kerja di hospital yang menjadi tempat tugas Encik Nasrullah itu bererti ramai doktor di situ terpaksa bekerja selama beberapa hari tanpa banyak waktu rehat.

Ada di antara mereka yang perlu melakukan beberapa syif hingga melebihi 72 jam, kongsinya.

“Saya tertanya juga bagaimana mereka sanggup melakukan hal tersebut dengan tidak cukup tidur. Mereka berkata mereka cuba menganggap setiap pesakit sebagai pengalaman yang baru dan cuba letakkan diri mereka dalam situasi pesakit yang datang dari jauh untuk mendapatkan rawatan,” ujar anak sulung dalam keluarga lima beradik itu.

Di samping itu, tanggapan Encik Nasrullah terhadap doktor berubah setelah melihat cara mereka melakukan tugas.

Katanya: “Sebelum itu, saya mempunyai tanggapan bahawa doktor selalu bekerja dalam keadaan tertekan. Mereka selalu serius dan secara jujur saya terfikir juga. Bolehkah saya tangani persekitaran sebegitu?”

“Tapi apabila saya lihat mereka bekerja, mereka sangat tenang dan selesa. Mereka bekerjasama dengan baik. Mereka sangat tenang ketika membedah pesakit.

“Jadi saya sedar bahawa tanggapan saya tentang tugas doktor yang saya anggap sangat sukar dan mustahil sebenarnya tidak tepat.”

Akhir kata, pada masa depan, beliau, yang juga anak kepada guru tuisyen, mungkin mahu menceburi bidang pengkhususan seperti pediatrik dan psikiatri.

“Saya memang sukakan kanak-kanak, mungkin disebabkan pengalaman dengan adik. Saya juga meminati bidang psikiatri, tapi mungkin ini akan berubah pada masa depan,” katanya.

Tekad basmi rawatan tidak berasas dalam masyarakat

KETIKA arwah nenek menghidap barah paru-paru, ada segelintir saudara-mara dan kenalan yang mengesyorkan pelbagai jenis rawatan, termasuk minum herba dan jus.

Malah, ada yang menjanjikan bahawa barah Allahyarhamah Ruhani Kusim itu boleh sembuh.

Meskipun niat mereka mahu membantu, kebanyakan cadangan yang dikemukakan tiada bukti saintifik.

Encik Muhammad Danish Massuryono, yang ketika itu berada di menengah empat, rasa kurang selesa.

“Seorang saudara memberi-

tahu nenek supaya mencuba sesuatu rawatan itu dan menjanjikan kaedah itu boleh menghilangkan barah. Tapi saya beritahu mungkin cara itu tak begitu selamat kerana tiada bukti saintifik dan dia sudah memberi harapan palsu.

“Saya beritahunya bahawa kita tak sepatutnya berbohong kepada nyai, tapi dia menjawab ‘Apa yang kau tau, kau bukan doktor’,” ujar Encik Danish, 19 tahun.

Kejadian tersebut menjadi antara detik penting yang membakar semangatnya ingin menjadi doktor.

Selain itu, sifat suka membantu orang lain menjadi antara dorongan terbesar beliau memilih kerjaya tersebut.

“Bidang perubatan membolehkan saya menyatukan kedua-dua cinta saya terhadap membantu orang lain dan sains.

“Itu sebabnya saya memilih bidang ini,” kata bekas pelajar Sekolah Sains dan Teknologi (SST) dan Maktab Rendah Anglo-Chinese (ACJC) itu.

Anak jurutera dan suri rumah tangga itu antara tiga siswa Melayu/ Islam yang berjaya mendapat tempat di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian (LKCMedicine) Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

“Sebagai doktor Melayu terutamanya, insya-Allah, saya rasa amat penting ‘memerangi’ wabak ‘pseudosains’ yang sangat ketara dalam masyarakat kita,” ujarnya.

Beliau merujuk kepada kepercayaan atau amalan yang disalah anggap sebagai berdasarkan kaedah saintifik.

Permulaan perjalanannya mendalami dunia perubatan merupakan pengalaman yang sangat baik dan membuatnya rasa rendah hati.

Katanya, siswa lain hebat belaka dan menjadi pendorongnya agar terus berjuang, kata anak sulung dalam keluarga empat beradik itu.

Menyentuh perihal masa depan, Encik Danish berminat melakukan penyelidikan. Namun, beliau masih terbuka meneroka haluan lain dalam dunia perubatan.



MAHU TERUS BANTU: Cik Shirin banyak melakukan kerja sukarelawan di hospis bagi membantu warga tua di sana.

Siswi berjiwa kemasyarakatan

BERKHIDMAT kepada masyarakat bak sudah menjadi darah daging Cik Shirin Mehnaz Ansari, 18 tahun.

Sejak di bangku sekolah, beliau meluangkan masa lapang membantu menjaga warga emas di hospis sekurang-kurangnya seminggu sekali.

Selepas tamat peperiksaan GCE peringkat ‘A’, beliau malah datang ke hospis tiga atau empat kali seminggu.

Selain itu, beliau bersama seorang lagi teman membantu dalam sesi bertemu penduduk (MPS) kawasan undi Sengkang West.

Ditanya apakah yang mendorongnya melakukan kerja kemasyarakatan, lulusan Sekolah Perempuan Cedar dan Institusi Raffles (RI) itu berkata:

“Saya rasa saya patut mengugurkan masa lapang dengan melakukan perkara berguna. Mengapa tidak? Lagipun saya ada sedikit masa untuk diluangkan.”

Dalam menghabiskan masa menjaga pesakit dan warga tua yang menghidap penyakit kronik, tercesut dalam hatinya bahawa itulah

“Pada masa depan, pastinya akan ada lebih banyak yang perlu kami pelajari. Ini perjalanan yang sukar, tapi saya rasa ini juga perjalanan yang sungguh bermakna.”

– Cik Shirin Mehnaz Ansari, siswa baru Sekolah Perubatan Lee Kong Chian (LKCMedicine) Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

yang ingin beliau lakukan pada masa depan.

Beliau kemudian mencari peluang berlatih sambil belajar bersama beberapa doktor.

Daripada situ, beliau bertambah yakin mahu mempunyai kerjaya seperti mereka.

Justeru, apabila mendapat tahu beliau terpilih sebagai antara 138 siswa yang berjaya ke Sekolah Perubatan Lee Kong Chian (LKCMedicine) Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Cik Shirin menangis kegembiraan.

“Masa itu sudah 12 tengah malam. Saya kejutkan semua orang di rumah!

“Ibu bapa saya sangat bahagia dan bangga. Mereka gembira saya dapat melakukan apa yang saya sukai,” kongsi kakak dua adik lelaki itu.

Ibunya bertugas sebagai guru sekolah rendah sementara bapa pengurus besar.

Meskipun baru melangkah masuk ke dalam dunia perubatan, Cik Shirin akur itu bukan perjalanan mudah.

Anak muda itu, yang memulakan pelajaran di LKCMedicine minggu lalu, berkongsi banyak perkara yang perlu mereka pelajari.

“Pada masa depan, pastinya akan ada lebih banyak yang perlu kami pelajari. Ini perjalanan yang sukar, tapi saya rasa ini juga perjalanan yang sungguh bermakna,” ujarnya.



TERKESAN SAKIT BARAH ARWAH NENEK: Melihat keadaan arwah nenek yang semakin lemah dek barah paru-paru dulu, Encik Danish terdorong menjadikan bidang perubatan sebagai pilihan kerjaya hidup.